

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

Johor Plantations Group Berhad (JPG) mengakui kepentingan menyediakan rangka kerja di mana konflik kepentingan dikenal pasti, didedahkan dan diuruskan dengan sewajarnya.

Anda perlu mengelakkan sebarang situasi yang melibatkan atau kelihatan melibatkan, konflik antara kepentingan peribadi anda dengan kepentingan JPG untuk mengelakkan keadaan yang mungkin mempengaruhi pertimbangan atau ketidakberpihakan anda dalam melaksanakan tugas anda.

Anda perlu membuat pengisytiharan konflik kepentingan dengan cara dan dalam situasi berikut:

Kategori	Di Tempat Kerja	Di Mesyuarat
Apa / Bila perlu isytihar	<ul style="list-style-type: none"> Setelah menyertai JPG. Apabila anda mempunyai hubungan keluarga dengan pekerja lain di JPG. 	Apabila anda menjadi ahli Jawatankuasa Kelulusan, anda perlu membuat pengisytiharan bertulis mengenai konflik kepentingan anda, di setiap mesyuarat.
Kepada siapa	<ul style="list-style-type: none"> Divisyen Sumber Manusia 	Setiausaha Syarikat atau Setiausaha Jawatankuasa.
Pengisytiharan dibuat dengan menggunakan Borang Deklarasi Konflik Kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> COI Form A – Pekerja (Satu kali) COI Form A1 – (Jika ada perubahan) 	COI Form B dan/atau B1 - Mesyuarat

Anggota pekerja yang melanggar polisi ini akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga penamatan perkhidmatan. Sebarang tindakan disiplin yang diambil oleh JPG tidak akan menghalang sebarang tindakan undang-undang sivil dan/atau jenayah yang akan diambil oleh mana-mana agensi penguatkuasa undang-undang berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.